

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KAPAR ]**

**SOALAN NO. 21**

**TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pemberhentian Bantuan Sara Hidup kepada warganegara bujang akan dikaji semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.
2. Sebagai Kerajaan berjiwa rakyat dan amat mengambil berat pelbagai perkara termasuk anak muda yang belum berkahwin dan bekerja tetapi berpendapatan kecil, Kerajaan bersetuju membuat bayaran RM100 one-off kepada setiap individu yang berdaftar di bawah kategori bujang dalam pangkalan data BSH 2018. Bayaran tersebut telah dibuat pada hujung bulan Mac 2019 dan dimasukkan terus ke dalam akaun bank mereka. Bayaran ini akan memanfaatkan lebih daripada 3 juta individu dan melibatkan peruntukan hampir RM300 juta. Berhubung dengan bayaran selanjutnya, kadar bantuan BSH bagi 2019 untuk golongan bujang akan dikaji semula dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk dimuktamadkan. Selain itu, sebanyak 1.2 juta pelajar IPTA dan IPTS menerima Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi sebanyak RM100 seorang.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.